

Amalan Kemahiran Komunikasi Pendakwah dengan Masyarakat Orang Asli di Malaysia

BITARA

Volume 3, Issue 4, 2020: 083-100
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Practice of Communication Skills among Muslim Preachers to Orang Asli Community in Malaysia]

Zulkefli Aini¹ & Abdul Ghafar Don¹

Abstrak

Penulisan ini adalah kajian konseptual berkenaan kemahiran berkomunikasi daripada perspektif dakwah yang digunakan oleh para pendakwah. Objektif kajian ini adalah perbincangan mengenai amalan komunikasi pendakwah yang berinteraksi dengan masyarakat orang Asli dalam usaha memperkenalkan dan menerangkan ajaran Islam kepada mereka. Pendedahan tentang kemahiran komunikasi amat penting kepada pendakwah kerana ia dapat membantu pendakwah menyampaikan ajaran Islam dengan lebih berkesan berdasarkan prinsip dan kaedah dakwah yang digabungkan dengan pendekatan komunikasi samada secara lisan atau pun bukan lisan. Di samping itu pendakwah yang menggunakan kemahiran komunikasi berkesan dapat mewujudkan suasana kondusif dengan kumpulan sasaran. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan rekabentuk analisis kandungan. Data kajian diperolehi melalui pendekatan analisis dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti artikel jurnal, tesis, kertas kerja persidangan dan buku. Data dianalisis secara tematik berdasarkan item-item penting bagi kajian ini yang mengikut objektif kajian yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, kajian mendapati beberapa kemahiran komunikasi yang boleh diamalkan oleh pendakwah ketika berinteraksi dengan Orang Asli. Antaranya ialah kemahiran menyampaikan sesuatu idea dan mesej dakwah kepada orang Asli dengan terang, berkesan, dan penuh keyakinan menggunakan medium tertentu seperti lisan dan tulisan; kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas; dan kemahiran membuat pembentangan yang terang dengan penuh keyakinan bersesuaian dengan tahap pemikiran orang Asli. Kajian dilihat mempunyai kepentingan kepada pihak-pihak berkepentingan dengan dakwah kepada orang Asli bagi mempertingkatkan kompetensi pendakwah.

Kata kunci:

Kemahiran komunikasi, dakwah, Orang Asli, kompetensi pendakwah.

Abstract

In fact, this writing is a conceptual study on communication skills from the perspective of da'wah used by muslim preachers. The objective of this study is a discussion on the communication practices of muslim preachers who interact with the Orang Asli community in an effort to introduce and explain the teachings of Islam to them. Disclosure of communication skills is very important to them because it can help them to convey the teachings of Islam more effectively based on the principles and methods of da'wah that integrated with a communication approach either orally or non-verbally. In addition, preachers who use effective communication skills can create a conducive atmosphere with the target group. This study is a qualitative study using content analysis research design. The data was obtained through a document analysis approach related to the subject of study such as journals, thesis, conference papers and books. The data was analyzed thematically based on important items for this study that follow the objective of the study. In this regard, the study found some

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

Corresponding Author:

Zulkefli Aini, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mail: zulaini@ukm.edu.my

communication skills that can be practiced by muslim preachers when interacting with the Orang Asli. Among them are the skills of conveying an idea and message of da'wah to the Orang Asli clearly, effectively, and with full confidence using certain mediums such as oral and written; active listening skills and providing feedback; and the skill of making a clear presentation with confidence in accordance with the level of thinking of the Orang Asli. The study is seen to have an interest in stakeholders with da'wah activities to the Orang Asli in order to improve the competence of muslim preachers.

Keywords:

communication skills, da'wah, Orang Asli, competency.

Cite This Article:

Zulkefli Aini1 & Abdul Ghafar Don. 2020. Amalan kemahiran komunikasi pendakwah dengan masyarakat Orang Asli di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 083-100.

Pengenalan

Pendakwah merupakan salah satu teras utama dalam menentukan kejayaan dakwah (Zaydan 2002). Pendakwah yang memiliki kemampuan ilmu, ketahanan mental, fizikal serta kerohanian yang kuat di samping mempunyai kemahiran tentang bagaimana membentuk dan mempelbagaikan metode serta pendekatan dakwahnya melalui pelbagai *uslub* dan *manhaj* tertentu berasaskan kepelbaaan sasarannya merupakan pendakwah yang berjaya (al-Bayanuni 1995). Keadaan ini mempunyai persamaan dengan kajian Normaisarah (2019) yang membuktikan bahawa adalah sangat penting pendakwah mempunyai ilmu yang menyeluruh ketika menjalankan usaha dakwah kepada masyarakat. Normaisarah (2019) juga berhujah bahawa pendakwah bukan sekadar mempunyai pengetahuan tertentu berdasarkan latar belakang akademik dan proses pembelajaran yang pernah dilalui sebelum terjun ke medan dakwah, malah pendakwah perlu memperkuatkannya usaha dakwah dengan aktiviti tertentu seperti mendalami lagi bidang kepakaran masing-masing atau bidang lain yang difikirkan dapat membantu menyempurnakan usaha dakwah, membaca karya-karya tertentu secara berterusan, menghasilkan karya melalui artikel atau buku, berdiskusi mengikut adab yang ditentukan dalam Islam dan melakukan penyelidikan dalam bidang-bidang tertentu walaupun dalam skala yang kecil dan terhad skop kajiannya. Sejajar dengan pandangan al-Qaradawi (1996) supaya pendakwah menguasai pengetahuan yang berteraskan Islam (*al-thaqafah al-Islamiyyah*), pengetahuan berteraskan kemanusiaan (*al-thaqafah al-Insaniyyah*) juga turut diambil perhatian terutama ketika berhadapan dengan realiti kehidupan masyarakat yang pelbagai sifatnya. Antara pengetahuan berteraskan kemanusiaan yang diberi keutamaan oleh pendakwah ialah komunikasi. Ini kerana menurut Zulkefli dan S.Salahudin (2016), bidang dakwah dan komunikasi adalah gandingan serasi. Tiada aktiviti dakwah yang tidak dimulakan dengan proses komunikasi. Justeru pendakwah perlu diperlengkap dengan kemahiran berkomunikasi ketika berinteraksi dengan pelbagai kumpulan samada saudara sesama muslim atau non muslim seperti kaum Cina, India dan Orang Asli. Persoalannya apakah bentuk kemahiran komunikasi yang perlu diketahui oleh pendakwah ketika berinteraksi dengan kumpulan Sasaran dakwah non muslim seperti Orang Asli? Apakah amalan kemahiran yang boleh digunakan oleh pendakwah ketika berkomunikasi dengan mereka?

Suku Kaum Orang Asli di Malaysia

Orang Asli dikategorikan sebagai bumiputera dalam kumpulan etnik utama bersama-sama dengan Melayu dan peribumi Sabah dan Sarawak. Penamaan dan pengenalan diri sebagai orang Asli adalah mengikut peruntukan undang-undang pada tahun 1954. Ini kerana tafsiran Orang Asli daripada sudut undang-undang Malaysia khususnya dalam Perlembagaan Malaysia di bawah Perkara 160 (2) adalah sebagai Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu. Mengikut Akta 134 (Akta Orang Asli 1954, Pindaan 1974) di bawah Fasal 3 (1) telah diberikan tafsiran yang khusus tentang siapakah yang dapat diterima sebagai Orang Asli, iaitu:

- a. Mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari kumpulan rumpun bangsa Orang Asli, yang bercakap dalam bahasa Orang Asli dan lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki orang itu;
- b. Mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan yang telah dididik sebagai seorang Orang Asli, lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan adalah seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli; atau
- c. Anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki dari suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan dan masih lagi menjadi seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.

Orang Asli adalah kaum minoriti dalam kumpulan etnik bumiputera dengan populasi penduduknya pada tahun 2018 mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia ialah seramai 178,197 orang atau 0.5 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia. Daripada segi pentadbiran, mengikut maklumat daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), terdapat tiga kumpulan besar Orang Asli, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Setiap kaum dipecahkan kepada suku kaum atau *sub group* tertentu, iaitu ada enam suku kaum setiap satu kumpulan etnik (walaupun menurut Endicott (2016) etnik Melayu Proto ada satu tambahan suku kaum iaitu Temoq), (Carey 1976). Pembahagian Orang Asli mengikut suku kaum dilakukan mengikut corak penempatan mereka (Carey 1976), rupa fizikal, bahasa dan adat yang diamalkan oleh setiap kumpulan dan suku kaum (Siti Aminah 2015).

Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli

Dakwah kepada non muslim termasuk Orang Asli dikategorikan kepada dakwah ke luar (Berhanundin 2009) merupakan dakwah yang dilakukan secara sistematik dan berterusan. Ia dilakukan untuk menyemarakkan kesejagatannya risalah Islam berdasarkan gagasan al-Quran *rahmah li al-'alamin* (surah al-Anbiya': 107) agar dirasai dan dihayati oleh semua manusia tanpa mengira bangsa, warna kulit, keturunan dan sempadan geografi (Abdul Ghafar 2009a). Usaha dakwah kepada Orang Asli dilakukan melalui fasa dan bentuk tertentu. Ia dimulakan dengan dakwah secara individu yang dilakukan oleh orang perseorangan seperti yang

dilaksanakan oleh seorang pendakwah yang bernama Haji Muhammad Salim di Kampar Perak pada tahun 1933 (Zakuan 1997). Dakwah secara berkumpulan melalui organisasi tertentu dimulakan dengan penubuhan Unit Pembangunan Rohaniah di bawah Bahagian Penyelidikan dan Penerangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada tahun 1973 (Syed Abdurahman 2003). Walau bagaimanapun unit tersebut tidak menonjolkan peranannya secara langsung dalam dakwah Orang Asli. Pendekatan yang dilakukan ialah dakwah secara *bi al-hal*. Pihak kerajaan turut mengambil inisiatif dalam dakwah kepada Orang Asli melalui Majlis Kebangsaan Islam, Institut Dakwah dan Latihan Islam di bawah Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri mengambil inisiatif menyemarakkan lagi usaha dakwah kepada Orang Asli yang dimulakan pada tahun 1972 sehingga kini di bawah Bahagian Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Malah JAKIM melalui Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) menjalankan amanah menyantuni masyarakat Orang Asli dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam menyampaikan mesej dakwah serta membimbang mereka supaya berada dalam lingkungan sebagai muslim (Che Musa 2011; Abdurahman Abdullah & Abdul Ghafar Don 2018). Ini diikuti oleh jabatan agama Islam negeri yang mempunyai kepentingan dengan dakwah Orang Asli. Pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut berperanan dalam dakwah kepada Orang Asli seperti PERKIM dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) melalui Islamic Outreach ABIM. Malah pihak institut pengajian tinggi (IPT) seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam adalah IPT awam terawal yang melibatkan warga kampus dengan dakwah Orang Asli (Syed Abdurahman 2003). Menurut Abdul Ghafar et.al. (2019), ahli akademik di IPT yang berperanan dalam pembangunan komuniti Orang Asli tertumpu kepada empat bidang utama seperti pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat.

Sementara itu, dakwah kepada Orang Asli boleh dilaksanakan melalui pendekatan khidmat masyarakat atau *social services method* (Abdul Ghafar et.al. 2012). Pendekatan tersebut merupakan agenda utama pelaksanaan dakwah kepada Orang Asli melalui penganjuran program kemasyarakatan seperti jamuan makan, ziarah dari rumah ke rumah, sukaneka, dan gotong royong. Pendekatan dakwah kepada masyarakat Orang Asli juga boleh dilaksanakan secara *bi al-hal* melalui dakwah secara lisan dan bukan lisan (Mohd Zairul & Abdul Ghafar 2018). Pendekatan dakwah secara lisan seperti memberi penjelasan tentang ajaran Islam kepada orang Asli muslim melalui kelas bimbingan fardu ain yang menyentuh topik asas tawhid, fiqh dan akhlak (Zulkefli & Nur Usrah 2020; Zulkefli et al 2018b), juga penerangan tentang aspek kehidupan bermasyarakat secara umum seperti topik kesihatan, kekeluargaan, ekonomi dan keselamatan. Manakala pendekatan dakwah secara bukan lisan menekankan aspek pembangunan masyarakat Orang Asli daripada sudut pendidikan, ekonomi dan kebajikan (Mohd Zairul & Abdul Ghafar, 2018). Pendekatan seumpama ini memberikan impak yang besar kepada kehidupan Orang Asli kerana menurut Abdul Ghafar (2014) kefahaman dan penghayatan Islam akan lebih mudah diterap dan dilaksanakan dalam kehidupan mereka apabila pendakwah boleh menggerakkan dan meningkatkan taraf kualiti kehidupan mereka.

Pendekatan dakwah kepada Orang Asli melalui medium komunikasi pula memperlihatkan dinamika dakwah kepada masyarakat Orang Asli apabila pendakwah menggunakan bentuk komunikasi tertentu sebagai strategi menyampaikan mesej dakwah kepada kumpulan sasaran (Muhamad Faisal et al. 2014). Ia digunakan ketika berkomunikasi secara persendirian atau interpersonal seperti perbualan santai, bancian penduduk dan cakna

permasalahan dalam kehidupan daripada sudut sosial dan ekonomi, kelompok melalui kelas-kelas bimbingan fardu ain (Nur Damia 2016; Nur Usawah 2018; Zulkefli et al., 2018c; Zulkefli, Faiz & Nur Damia 2018a). Justeru, menurut Zulkefli et. al., (2018c) pendakwah perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik ketika menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat Orang Asli.

Dalam proses dakwah kepada Orang Asli terdapat elemen maklum balas penerimaan daripada mereka samada positif atau negatif. Syed Abdurrahman (2008) misalnya berpandangan bahawa terdapat tiga halangan utama yang menjadi penyebab mengapa Orang Asli lambat menerima dakwah yang disampaikan kepada mereka, iaitu halangan daripada pihak pendakwah, halangan daripada pihak mereka mereka dan halangan yang datang daripada pihak luar. Dalam konteks halangan yang datang daripada orang Asli, ia disebabkan mereka kuat berpegang dengan adat resam dan kepercayaan seperti animisme dan nenek moyang yang menyukarkan mereka menerima Islam sebagai agama dan cara hidup yang baharu. Ini ditambah dengan cara hidup dan persekitaran mereka tinggal yang bergantung kepada alam untuk meneruskan kehidupan. Di samping itu, mereka mempunyai sikap tertentu terhadap pendakwah yang datang kepada mereka. Justeru, menurut Faiz (2018) orang Asli lebih cenderung dan suka dengan pendakwah yang berasal daripada suku kaum mereka sahaja yang lebih memahami kehidupan mereka termasuklah pemikiran, budaya dan bahasa mereka.

Kajian Ramlee (2015) pula menyatakan bahawa orang Asli sukar menerima dan mengamalkan ajaran Islam kerana mereka menganggap masuk Islam adalah masuk Melayu. Dengan ini identiti dan jati diri mereka sebagai Orang Asli akan hilang. Islam dianggap mempunyai banyak larangan atau “*don’t*” sehingga mereka tidak boleh bebas sebagaimana mereka belum Islam seperti tidak boleh makan makanan kebiasaan mereka seperti babi, mereka merasakan susah mengamalkan ajaran Islam seperti solat kerana mereka perlu menukar pakaian dan sebagainya yang pada pandangan mereka menyusahkan mereka. Begitu juga dengan kajian Halim (2002) yang mendapati ada kalangan orang Asli masih mempunyai sikap negatif terhadap Islam. Keadaan ini disebabkan latar belakang pendidikan mereka yang rendah yang menyebabkan pemikiran mereka belum terbuka dengan perkembangan semasa dan tidak mendapat pendedahan yang secukupnya tentang Islam. Di samping ada kalangan mereka yang terpengaruh dengan pandangan orang Asli yang lebih senior yang mempunyai pengalaman pahit dengan orang Melayu. Pada pandangan mereka orang Melayu yang beragama Islam bersikap tidak jujur ketika menjalankan urus niaga, suka menindas, tidak berlaku adil dan berakhhlak. Daripada sudut penerimaan mereka terhadap program-program dakwah bergantung kepada siapakah pengajur yang melaksanakan program tersebut. Sekiranya pengajur membawa jenama Islam, mereka mengambil sikap “tunggu dan lihat”. Mereka bimbang dan beranggapan bahawa program yang dijalankan bertujuan untuk memaksa mereka memeluk agama Islam. Di samping itu, mereka berpandangan bahawa ada pengajur yang mahu melaksanakan program tidak berbincang terlebih dahulu dengan pimpinan tempatan seperti Batin untuk mendapatkan pandangan dan persetujuan.

Dalam kelangsungan dakwah kepada masyarakat orang Asli, terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh pendakwah. Menurut Abdul Ghafar (2009b), antara cabaran tersebut ialah imej kurang baik yang ditonjolkan oleh masyarakat Melayu khususnya masyarakat Melayu yang berjiran dengan orang Asli. Perbuatan orang Melayu yang dilihat suka mencuri kerbau, menipu dan memandang hina terhadap orang Asli menyebabkan timbul persepsi negatif

kepada orang Melayu. Keadaan yang sama turut dikemukakan oleh Zulkefli dan Halim (2016) yang menyatakan bahawa orang Asli begitu kecewa dengan masyarakat orang Melayu yang tidak jujur ketika berurusan dengan mereka terutama dari segi urusan jual beli. Keadaan ini menyumbang kepada cabaran untuk mengikis persepsi bahawa agama Islam agama yang baik. Ini kerana mereka beranggapan bahawa agama Islam ialah agama orang Melayu. Dengan kata lain, mereka mengatakan masuk Islam masuk Melayu. Ada kalangan mereka yang mempersoalkan bagaimana mereka mahu memeluk agama Islam sekiranya sikap yang ditonjolkan oleh orang Melayu tidak melambangkan kebaikan Islam. Di samping itu, kebimbangan terhadap kehilangan identiti sebagai orang Asli sejati menjadi penyebab mereka tidak mahu memeluk agama Islam (Toshihiro Nobuta 2007; Ivan Iacey 2013).

Data daripada E-damak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) juga menunjukkan pada tahun 2011 hanya kira-kira 20% Orang Asli memeluk Islam (Ramlee 2015). Pertambahan yang memeluk Islam pada setiap tahun dilihat di tahap yang agak perlahan. Semenjak 1992 sehingga 2001 purata pertambahan setiap tahun hanya sekitar 1.1% (Ramlee 2015). Indikasi ini berpunca dari beberapa aspek, antaranya ialah pendakwah yang didapati kurang mempunyai kemahiran dalam berdakwah serta kurang mempunyai persediaan yang rapi dalam menjalankan tugas berdakwah. Sehubungan dengan itu, menurut Syed Abdurahman (2010), antara punca kekurangan yang berlaku itu adalah disebabkan fokus yang diberikan kepada usaha-usaha dakwah kepada masyarakat Orang Asli amat sedikit jika dibandingkan dengan dakwah kepada kumpulan sasaran yang lain. Ini ditambah dengan keadaan pendakwah yang kebanyakannya adalah terdiri dari kalangan orang Melayu berbanding dengan pendakwah yang lahir dari kalangan masyarakat Orang Asli sendiri. Hal ini disebabkan ada kalangan pendakwah yang mempunyai persepsi tersendiri terhadap masyarakat Orang Asli dari segi persekitaran tempat tinggal yang tidak menyenangkan, taraf pendidikan dan tahap pemikiran yang rendah serta pegangan dan kepercayaan mereka yang tersendiri. Perkara-perkara seperti ini merupakan cabaran dalam penyampaian dakwah yang mempengaruhi keberhasilan dakwah kepada Orang Asli dan sekaligus menyukarkan mereka menerima kehadiran kebanyakan pendakwah berbangsa Melayu. Di samping itu, terdapat pendakwah yang kurang bersedia dari sudut pengurusan sahsiah keperibadian sehingga boleh dikatakan berada di tahap *bad personality management*. Ia sering memanifestasikan imej angkuh, sedangkan imej itu senang diubah. Akibatnya masyarakat Orang Asli sanggup masuk Islam tetapi ditakutkan oleh kerana kemungkinan ‘termasuk Melayu’.

Di samping itu, perkembangan dakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli mendapat saingen daripada agama-agama lain terutama agama Kristian. Walaupun ia dilihat sebagai satu persaingan yang sihat antara pendakwah dengan aktivis agama Kristian (Mohd. Nizam & Che Zarrina 2005), kajian Aini dan Sabri (2019) bagaimanapun mendapati para aktivis agama Kristian menggunakan pelbagai pendekatan dalam gerakan Kristianisasi terhadap Orang Asli terutama yang beragama Islam seperti kontekstualisasi dan psikologi. Pengembang agama Kristian dikatakan sanggup datang dan mengharungi kesusahan untuk melakukan tugas mengkristiankan Orang Asli meskipun mereka terpaksa menghadapi berbagai risiko serta tinggal dalam hutan belantara dan di pedalaman (Syed Abdurahman 2010). Bahkan mereka sanggup untuk berkahwin dengan wanita Asli dengan tujuan menyampaikan agama mereka. Sebagai contoh, seorang pendi'ayah berbangsa Belanda telah berkahwin dengan wanita Asli Jakun dan tinggal di sebuah kampung pedalaman berhampiran dengan Tasik Chini, Pahang

dalam (Syed Abdurahman 2010). Perkara ini turut sama dinyatakan oleh Julie Edo (2011) ketika memperkatakan tentang perbezaan antara pendakwah Muslim dan juga pendi'ayah Kristian terutama daripada aspek memperkenalkan agama melalui pengamalan dan interaksi dengan Orang Asli. Di samping itu, pihak misionari Kristian memberi latihan penuh kepada Orang Asli itu bagaimana ingin menjadi seorang pendi'ayah Kristian yang baik (Julie Edo 2011). Oleh itu, Aisyah Jami'an (2013) berpandangan bahawa program perkaderan pendakwah dalam kalangan Orang Asli muslim perlu dilakukan bagi meningkatkan kualiti pengislaman mereka. Melalui pendekatan tersebut ia juga boleh mengimbangi dan menyaingi gerakan kristianisasi dalam kalangan Orang Asli.

Konsep Kemahiran Berkomunikasi

Kemahiran dalam bahasa Arab dipanggil *maharah*. Al-Ba'labaki (2003) menyatakan perkataan ini mengandungi pelbagai maksud, iaitu kemahiran, sangat mahir, ketangkasan, kecekapan, kepakaran, kepandaian, sangat bijak, mahir ketukangan. Menurut Kamarul Azmi (2010) kemahiran ialah kemampuan yang tinggi yang tidak datang kepada seseorang melainkan melalui pengalaman dan ujian diri yang berterusan. Kemahiran ini membantu bagaimana untuk menangani dan menyelesaikan sesuatu dengan fakta yang sedia ada. Komunikasi pula selalunya didefinisikan sebagai suatu proses interaksi antara manusia yang melibatkan pertukaran maklumat, idea dan perasaan melalui pergerakan isyarat simbol atau pertuturan samada dalam bentuk lisan atau bukan lisan bagi mewujudkan suasana dan persekitaran yang diharapkan antara penyampai dengan penerima (Zulkefli & S.Salahudin 2016). Oleh itu, kemahiran komunikasi merupakan kemampuan seseorang memberi dan menerima pelbagai jenis maklumat dan idea yang melibatkan aktiviti mendengar, bercakap, memerhati dan memiliki sifat empati dengan seseorang dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan medium seperti bersemuka, peralatan telekomunikasi konvensional dan digital (Wambui, Kibui & Gathuthi 2012). Ia juga melibatkan suatu kefahaman nilai-nilai komunikasi melalui bahasa yang dituturkan antara penyampai dengan penerima bagi mewujudkan persamaan makna (Goldsmith & Newton 2011).

Tajuk kemahiran berkomunikasi telah mendapat perhatian ramai pengkaji dalam pelbagai sudut terutama pendidikan. Ia diulas dalam konteks kepentingannya kepada pelajar dan guru. Bagi pelajar, kemahiran komunikasi yang merupakan salah satu elemen kemahiran insaniah dalam bentuk non akademik amat perlu dikuasai untuk pembangunan diri, keterampilan personaliti dan kecemerlangan dalam pelbagai aspek kehidupan (Yaaob & Ahmad, 2019). Sebagai contoh, kajian Ivy (2012) memfokuskan kepada keutamaan pelajar menguasai kemahiran komunikasi interpersonal, intrapersonal dan bukan lisan yang memperlengkapkan keperluan mereka untuk menghadapi alam pekerjaan setelah tamat pengajian. Kajian Asmawati et al (2018) pula mendapati bahawa kemahiran komunikasi dalam kalangan guru adalah melibatkan penggunaan domain psikomotor. Oleh itu, guru-guru yang mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan dapat mewujudkan suasana ceria, aktif dan kerjasama yang lebih progresif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Syofia, Zamri dan Jamaludin (2013) pula menegaskan bahawa guru perlu mempunyai kemahiran komunikasi interpersonal ekspresif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula, kemahiran

komunikasi tersebut merupakan sikap guru kepada pelajar daripada aspek segi psikologi yang melibatkan cara memuji, memberi maaf, menyatakan kegembiraan dan menyatakan terima kasih. Ini dilakukan untuk mempengaruhi pelajar dalam kelas supaya proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan mencapai objektif. Kajian Noor Shamshinar, Nor Azhan dan Harun (2019) pula mendapati kemahiran berkomunikasi menggunakan elemen bukan lisan (non verbal) boleh membantu guru meningkatkan kompetensi dan mutu pengajaran serta menarik minat dan motivasi pelajar yang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Elemen komunikasi bukan lisan yang dimaksudkan adalah seperti penampilan fizikal seperti cara berpakaian, pergerakan tangan dan badan, kroneik atau penggunaan masa, haptik atau sentuhan badan, eksperesi wajah, proksemik atau jarak dan paralinguistik atau variasi suara.

Manakala perbincangan tentang kemahiran komunikasi daripada perspektif Islam masih terhad. Niaz Muhammad (2016) misalnya membincangkan kemahiran berkomunikasi daripada perspektif Islam dengan memfokuskan komunikasi berkesan secara verbal dan bukan verbal. Menurut beliau seseorang muslim harus berbicara dengan lembut, tidak kasar, memilih perkataan yang sesuai, merendahkan suara, berbicara mengikut tahap pemikiran manusia, serta menjaga suasana dan sensitiviti pihak yang diajak berbual. Di samping itu individu muslim pula harus melakarkan senyuman yang ceria sambil menjaga kontak mata dengan pihak yang diajak berbicara serta menggunakan pergerakan tangan dan badan yang seimbang sesuai dengan topik perbualan. Fariza (2015) ketika membincangkan pendekatan dakwah secara psikologi menyatakan bahawa pendakwah perlu menguasai kemahiran komunikasi dan hubungan yang serasi dengan remaja. Ia penting untuk mengetahui perkembangan psikologi remaja dari segi emosi, akal, moral dan sosial mereka. Di samping itu, melalui kemahiran tersebut pendakwah boleh memahami punca permasalahan mereka dan menentukan pendekatan yang sesuai bagi mereka. Pendakwah juga boleh memulakan interaksi dengan remaja melalui pendekatan komunikasi rakan sebaya yang membolehkannya mengajak mereka berbincang dan memahami kehendak mereka. Manakala Faiz (2016) menyatakan bahawa antara aspek yang diberi penekanan oleh pendakwah ketika berdakwah ialah menguasai kemahiran berkomunikasi. Beliau yang menggunakan model kemahiran insaniah sebagaimana yang digunakan dalam pendidikan mendapati ciri-ciri kemahiran berkomunikasi yang boleh diamalkan oleh pendakwah ialah kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas dan kebolehan untuk membuat pembentangan yang terang dengan penuh keyakinan bersesuaian dengan tahap pendengar. Sementara itu, Nur Damia (2016) berpendapat bahawa pendakwah perlu menguasai kemahiran berbahasa ketika berkomunikasi dengan kumpulan sasaran dakwah. Ini termasuklah menguasai bahasa pertuturan kumpulan sasar, bahasa yang mengandungi unsur psikologi seperti humor dan pemujukan. Begitu juga dengan Nur Us wah (2018) yang menekankan kepentingan penguasaan kemahiran komunikasi pemujukan dalam kalangan pendakwah ketika berinteraksi dengan kumpulan sasaran. Ia dapat dilakukan dengan menggunakan komunikasi lisan dan bukan lisan dan komunikasi berbantuan teknologi dan aplikasi media sosial.

Amalan kemahiran komunikasi dakwah kepada masyarakat orang Asli

Berdasarkan kajian-kajian lepas sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, pengkaji mendapati terdapat beberapa aspek kemahiran berkomunikasi yang boleh diberi perhatian oleh pendakwah yang berdakwah kepada masyarakat orang Asli. Dalam artikel ini, pengkaji menggunakan kerangka kemahiran komunikasi dalam kemahiran insaniah yang dikemukakan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2006 dengan melakukan penyesuaian berdasarkan pendekatan dakwah sebagaimana yang dibincangkan oleh Ghalwusy (1978), Sa'id (1992), al-Bayanuni (1995), Zaydan (2002), dan al-'Amusy (2005). Di samping itu, pengkaji juga menggunakan kerangka perbincangan yang dilakukan oleh Faiz (2016), Nur Damia (2016) dan Nur Usrah (2018) kerana mereka ada menyentuh perihal masyarakat Orang Asli dan interaksi pendakwah dengan kumpulan tersebut. Sehubungan dengan itu, antara kemahiran komunikasi dakwah yang boleh dipraktikkan oleh pendakwah ketika berinteraksi dengan Orang Asli ialah kemahiran menyampaikan sesuatu idea dan mesej dakwah kepada orang Asli dengan terang, berkesan serta penuh keyakinan menggunakan medium tertentu seperti lisan, bukan lisan dan tulisan, kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas positif kepada Orang Asli dan kemahiran membuat pembentangan yang terang dengan penuh keyakinan bersesuaian dengan tahap pemikiran Orang Asli.

Kemahiran Pertama

Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 108 menunjukkan adanya elemen kejelasan dalam penyampaian mesej dakwah yang ditandai dengan kalimah *basirah*. Ini bermakna, seseorang pendakwah yang mahu berdakwah dengan menggunakan medium komunikasi samada secara lisan atau tulisan perlu menjelaskan mesej dakwah yang disampaikan secara jelas. Mesej yang dibawa tidak mengundang kekeliruan di pihak *mad'u*. Kenyataan ini bertepatan dengan takrifan dakwah dari sudut satu disiplin ilmu (atau dikenali sebagai ilmu dakwah) yang dibincangkan oleh para sarjana yang menekuni bidang dakwah secara khusus (al-Shahrani, 2012). Ghalwusy (1978) umpamanya, menekankan ilmu dakwah dari sudut penyampaian (*al-nasyr*) yang melibatkan kemahiran tertentu supaya mesej dakwah (topik akidah, syariah dan akhlak) dapat disampaikan kepada *mad'u*. dalam konteks dakwah kemahiran menyampaikan mesej dalam takrifan tersebut merujuk kepada aspek wasilah dan uslub dakwah (al-Shahrani, 2012).

Pelaksanaan dakwah juga mengambil kira terhadap pemahaman kepada maksud ayat 125 surah al-Nahl yang menyatakan tiga uslub utama dalam berdakwah, iaitu *al-hikmah*, *al-maw'izah al-hasannah* dan *al-mujadalah al-husna*. Berdasarkan uslub-uslub tersebut, ilmu dakwah dikaitkan dengan penggunaan uslub-uslub tersebut secara tepat dan adil dengan tujuan untuk meyakinkan sasaran dakwah. Ia amat berkait rapat dengan sasaran dakwah yang menjadi penerima mesej dalam proses dakwah. Justeru, mengenali sasaran dakwah merupakan perkara yang amat penting supaya proses dakwah berjalan dengan teratur dan mesej yang hendak disampaikan boleh difahami dengan baik. Dalam proses komunikasi sasaran dakwah ialah penerima yang menjadi sasaran sesuatu utusan yang terdiri dari individu, kumpulan kecil, sebuah organisasi atau sejumlah orang ramai (Zulkefli & S.Salahudin, 2016).

Dalam konteks dakwah kepada masyarakat Orang Asli, pendakwah perlu terlebih dahulu mengenal pasti kelompok orang Asli manakah yang menjadi penerima mesej dakwah mereka. Ini kerana masyarakat Orang Asli terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Negrito, Semai dan Melayu Proto (Carey, 1976). Kepelbagaiannya suku kaum juga menunjukkan yang mereka mempunyai latar belakang yang berbeza antara satu sama lain dari segi budaya dan adat resam. Oleh itu, bagi memudahkan pendakwah yang memfokuskan kepada dakwah kepada masyarakat Orang Asli perlu membaca dan memahami latar belakang mereka termasuklah pantang larang dan bahasa mereka (Anon t.th; Muhamad Busu 2016). Daripada sudut komunikasi, kemahiran berkomunikasi dengan sasaran dengan memahami budaya, adat resam, pantang larang, dan bahasa akan merapatkan jurang komunikasi antara pendakwah dengan *mad'u*. Ini juga memudahkan pendakwah menerangkan mesej dakwah dengan jelas yang berkaitan dengan topik dakwah. Justeru, pendakwah perlu memanfaatkan perbincangan tentang bahasa Orang Asli bagi mendekati masyarakat orang Asli sebagaimana yang dibincangkan oleh Alias dan Salasiah (2015) dan Jo Kamar dan W.A Amir Zal (2014).

Pendakwah boleh berkomunikasi dengan *mad'u* secara lisan. Pendekatan ini juga dikenali sebagai *al-da'wah bi al-lisan*. Komunikasi ini melibatkan suatu proses penyampaian mesej dakwah daripada sumber iaitu pendakwah kepada sumber iaitu *mad'u* yang terdiri dari orang Asli dengan menggunakan medium bahasa pengantar tertentu dan saluran lisan seperti kuliah, dialog, penerangan, diskusi dan sebagainya. Kaedah ini merupakan sunnah para Nabi yang menjadi utusan Allah kepada umat mereka sebagaimana firman-Nya dalam surah Ibrahim ayat 4. Menurut al-Qaradawi (2011) pendakwah bukan sahaja perlu berkomunikasi menggunakan bahasa pertuturan kumpulan sasaran sahaja tetapi turut mengambil berat dengan penggunaan bahasa yang tepat berdasarkan kepada tahap pemikiran dan kedudukan seseorang yang diajak bertutur. Dengan ini, pendakwah yang bertugas menyampaikan dakwah kepada masyarakat orang Asli perlu menyesuaikan kemahiran berbahasa ketika berhadapan dengan mereka. Menurut Nur Damia (2016) bahawa masyarakat orang Asli lebih memahami mesej yang disampaikan oleh pendakwah yang mahir menggunakan elemen bahasa yang mudah, tidak terlalu bersifat akademik dan ilmiah, bahasa “visual” yang boleh menggambarkan sesuatu ketika berbicara dan bahasa yang tidak mengandungi “*double meaning*”. Ini bertepatan dengan pandangan Zulkefli dan S.Salahudin (2016) bahawa seseorang pendakwah perlu beradab, dalam konteks meletakkan sesuatu keadaan yang betul di tempat yang sebenar, ketika berkomunikasi secara lisan seperti topik percakapan antara dirinya dengan *mad'u* hendaklah yang berkaitan dengan perkara yang baik dan bermanfaat dan mengelakkan diri daripada bercakap perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah.

Pendekatan komunikasi melalui medium tulisan dimanfaatkan oleh pendakwah apabila mereka menggunakan buku-buku rujukan tertentu ketika menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat orang Asli seperti buku fardu ain (Ahmad Redzuan 2010). Persembahan buku tersebut pada pandangan Nur Damia (2016) perlu mengambil kira pendekatan komunikasi bahasa secara “visual” dengan memuatkan gambar yang bersifat praktikal terutama dalam disiplin ilmu fikah. Di sinilah letaknya kebijaksanaan pendakwah yang memilih untuk menulis bahan-bahan bacaan yang boleh dijadikan rujukan atau panduan kepada mereka yang mengajar fardu ain kepada masyarakat orang Asli. Kenyataan ini bertepatan dengan pandangan al-Bayanuni (1995) yang mengatakan bahawa usul *al-hikmah* memberi tumpuan kepada prinsip *taqdim al-aham 'ala al-muhim*, iaitu mendahulukan sesuatu perkara yang terpenting berbanding

perkara yang penting atau mengikut keutamaan (*al-awlawiyat*) dalam menentukan keberhasilan dakwah.

Pendekatan yang meyakinkan *mad'u* merupakan pendekatan dakwah secara persuasif atau pembujukan dalam kerangka psikologi dakwah samada dakwah secara lisan atau tulisan. Menurut Samsudin (1993), pendekatan berlaku apabila satu sistem atau sumber cuba mempengaruhi sistem lain atau sasarannya, dengan memanipulasikan beberapa simbol yang boleh disampaikan melalui medium yang menghubungkan mereka. Jika dikaitkan dengan dakwah, pendakwah yang boleh mempengaruhi *mad'u* supaya mereka dapat menerima dan meyakini mesej dakwah yang disampaikan dengan menggunakan pendekatan psikologi sehingga mereka mengikuti mesej tersebut atas kehendak dirinya sendiri (Achmad Mubarok 2002). Dengan ini, apabila pendakwah mempunyai kemahiran berkomunikasi yang berkesan, ia menepati dengan konsep pembujukan dalam komunikasi yang menonjolkan elemen perubahan sikap (elemen dalaman) dan tingkah laku zahir (elemen luaran) di pihak sasaran atau penerima mesej. Kemahiran seperti ini perlu dipertingkatkan kepada pendakwah masyarakat orang Asli supaya kadar pemahaman terhadap mesej Islam dapat ditingkatkan dari kalangan masyarakat orang Asli. Ini memberi kesan kepada kadar pemelukan Islam dalam kalangan orang Asli (Ramlee 2015).

Dalam konteks kaedah dakwah seperti *al-ta'lif qabl al-ta'rif* iaitu suatu usaha menjinakkan atau melembutkan hati sasaran sebelum memperkenalkan konsep-konsep umum ajaran Islam (al-'Amusy 2005) boleh diaplikasikan ketika berkomunikasi dengan masyarakat Orang Asli terutama program dakwah *bi al-hal* seperti program ziarah, sukan, jamuan makan, dan gotong royong. Interaksi antara pendakwah dengan orang Asli melalui aktiviti yang dijalankan dapat menjalankan ikatan perkenalan dan merapatkan jurang komunikasi yang berlaku antara mereka (Mohd. Suhairil 2016). Pendekatan yang digunakan lebih kepada pendekatan ramah-tamah, ramah mesra dan bukannya pendekatan "marah-marah", kasar yang boleh menjauhkan sasaran. Ini kerana pendekatan yang tidak berunsurkan kasih sayang boleh menjarakkan jurang komunikasi antara kedua-dua belah pihak sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 159 dan surah al-Anfal ayat 63. Begitu juga dengan kaedah *al-Taysir La al-Ta'sir*, iaitu usaha-usaha memudahkan bukan menyusahkan (al-'Amusy 2005) boleh dijadikan panduan oleh pendakwah ketika berkomunikasi dengan orang Asli. Ketika berkomunikasi, pendakwah perlu bercakap menggunakan bahasa yang mudah difahami sesuai dengan tahap pemikiran mereka, tidak mengemukakan gagasan pemikiran yang susah dicerna oleh mereka terutama dalam proses pengajaran ilmu fardu ain kepada mereka (Nur Damia 2016).

Kemahiran Kedua

Komunikasi yang baik antara sumber dengan penerima bermula dengan aktiviti mendengar. Seseorang yang mempunyai kemahiran mendengar sebenarnya menggunakan 80% daripada aktiviti komunikasinya dengan orang lain. Ini menunjukkan bahawa kemahiran mendengar merupakan kemahiran yang penting dalam proses komunikasi (Maisarah 2016). Melalui aktiviti mendengar itu, proses maklum balas berlaku samada secara lisan atau bukan lisan.

Pendakwah perlu menjadi seorang pendengar yang baik ketika berkomunikasi dengan orang Asli dengan mengambil perhatian daripada firman Allah SWT dalam surah al-Zumar

ayat 18 yang bermaksud “orang yang mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka memilih dan menurut sebaik-baiknya; mereka itulah orang-orang yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna”.

Menurut Danial Zainal Abidin (2008) antara ciri-ciri pendengar yang baik ialah mendengar dengan serius dan tidak memotong atau membuat pencelahan terhadap percakapan orang lain, mendengar dan memahami maksud yang dikatakan cuba mengingati fakta-fakta yang disampaikan, bertanya untuk mendapatkan penjelasan serta memberikan perhatian dan minat ketika mendengar dan tidak memperdulikan gangguan-gangguan yang berlaku ketika proses komunikasi berlangsung.

Oleh itu, pendakwah perlu memiliki sifat kesabaran yang tinggi ketika berinteraksi dengan *mad'u*. Walaupun perkara yang diperkatakan oleh *mad'u* mengundang beberapa perkara yang tidak menyenangkan mereka, pendakwah perlulah mengelakkan diri dari memiliki sikap buruk sangka dan tidak berfikiran negatif terhadap mereka. Ini kerana *mad'u* mempunyai taraf eksklusif bahawa hak *mad'u* ialah didatangi, bukan mendatangi “*ya'ti, wa la yu'ta*” (Zaydan 2002) Oleh itu, pendakwah perlu melayani setiap persoalan yang dikemukakan walaupun ia dikira remeh dan mudah dalam pandangan si pendakwah.

Apabila berkomunikasi dengan orang Asli melalui medium kuliah, ceramah, dialog dan sebagainya, pendakwah bukan sahaja menerima maklum balas terhadap mesej dakwah yang disampaikan daripada pihak orang Asli tetapi boleh juga memberikan maklum balas terhadap persoalan yang dikemukakan oleh orang Asli (Hashim 2001). Dengan ini, Orang Asli juga boleh menjadi sumber dalam proses komunikasi apabila mereka mengajukan persoalan kepada pendakwah. Ini kerana dalam proses komunikasi, sumber juga merujuk kepada pihak yang memulakan proses komunikasi walaupun dia pada asalnya adalah penerima mesej yang disampaikan oleh orang lain (Zulkefli & S. Salahudin 2016). Sehubungan dengan itu, pendakwah dalam proses komunikasi seperti ini merupakan penerima atau sasaran sesuatu utusan. Proses komunikasi seperti ini, menurut Saodah Wok et al (2003), bersesuaian dengan “Model Dialog” yang menumpukan kepada proses komunikasi yang memerlukan perucap dan pendengar bertindak bersama secara aktif untuk membentuk makna. Dalam proses ini juga, perucapan dan perbualan merupakan pola komunikasi yang memerlukan tanggapan yang sama antara perucap dengan penerima supaya persefahaman dapat terjadi (Saodah Wok et al 2003). Walau bagaimanapun, teori tersebut sesuai digunakan ketika pendakwah menyampaikan mesej agama secara “*impromtu*” kepada *mad'u*, tanpa persediaan yang rapi, tetapi dengan tujuan untuk memberikan mesej yang ringan dan mudah dicerna oleh pemikiran *mad'u*. Mesej yang disampaikan boleh diadunkan dengan elemen hiburan seperti nasyid, elemen humor dan elemen penceritaan. Tambahan pula, jika pendakwah mampu bercerita dalam bahasa ibunda orang Asli sendiri ia boleh menarik minat pendengar.

Kemahiran Ketiga

Pendakwah boleh mengemukakan sesuatu mesej agama kepada sasaran dakwahnya yang mengikuti kelas agama yang dikendalikan, menggunakan strategi tertentu berdasarkan tujuan tertentu penyampaian tersebut. Menurut Abdullah (2007) sebelum memulakan ucapan, pendakwah perlu menentukan terlebih dahulu ucapan jenis manakah yang hendak disampaikan. Sehubungan dengan itu, pendakwah perlu mengetahui tujuan ucapan dakwah yang hendak

disampaikan samada ucapan tersebut ucapan bagi mengukuhkan sikap dan kepercayaan hadirin, ucapan bagi mengubah sikap dan kepercayaan hadirin atau ucapan bagi mendorong supaya hadirin melakukan sesuatu perbuatan atau mengambil tindakan, iaitu mempengaruhi tingkah laku mereka. Sehubungan dengan itu, pendakwah boleh menyampaikan ajaran agama kepada orang Asli supaya pemikiran dan sikap mereka terhadap Islam dapat dipandu dengan betul. Oleh itu, apabila mereka mendengar penjelasan dan penyampaian pendakwah, mereka menjadi semakin yakin dan kuat pegangan mereka dengan agama Islam. Ini barangkali menepati kumpulan orang Asli yang sudah lama memeluk agama Islam dan mempunyai kesungguhan mempelajari agama Islam serta mengamalkan ajaran agama Islam. Dengan ini, mereka berupaya menolak sebarang godaan atau gangguan dari pihak-pihak tertentu yang cuba memujuk mereka supaya meninggalkan kepercayaan yang mereka pegang. Antara unsur yang mengganggu mereka ialah *di'ayah* agama-agama selain agama Islam (Syed Abdurahman 2010). Berdasarkan kriteria ini, pendakwah boleh menjadikan mereka sebagai kader dakwah yang datang dari kumpulan mereka sendiri.

Begitu juga ketika berdakwah kepada Orang Asli yang belum Islam. Ini kerana mereka adalah kumpulan yang belum betul dari segi *worldview* Islam yang mereka tahu kerana terdapat salah faham tentang ajaran agama Islam. Dengan ini pendakwah boleh menerangkan perkara yang betul dan menjelaskan mengapa ia betul. Begitu juga pendakwah boleh menerangkan perkara yang salah dan menjelaskan mengapa ia salah.

Penyampaian mesej dakwah mestilah bersesuaian dengan tahap pemikiran *mad'u*. Justeru pendakwah perlu mengenal pasti tahap pemikiran orang Asli dengan meneliti tahap pendidikan mereka, pendedahan mereka dengan pembangunan dan kemajuan, taraf sosio ekonomi mereka. Dalam konteks perbincangan ilmu komunikasi konvensional, ketika berkomunikasi pendakwah perlu mengambil kira rangka rujuk atau ruang lingkup pengalaman dan pengetahuan yang boleh dikongsi secara bersama dengan orang Asli yang menjadi penerima mesej dakwah yang disampaikan (Samsudin 1993). Ia juga melibatkan gaya dan kaedah berfikir secara bersama yang dilihat dari segi tahap ekonomi, taraf sosial dan medium bahasa yang digunakan. kebijaksanaan pendakwah menyelaraskan rangka rujuk yang sama dengan Orang Asli menempati kaedah dakwah, iaitu *khatib al-Nas 'ala qadr 'uqulihim*, yang bermaksud “berbicaralah dengan manusia mengikut tahap pemikiran mereka” (Sa'id 1992). Jika pendakwah berkomunikasi dengan Orang Asli tanpa mengambil kira tahap pemikiran mereka melalui rangka rujuk yang sama dan medium komunikasi yang sesuai menyebabkan berlakunya gangguan dalam proses komunikasi.

Kesimpulan

Dakwah kepada masyarakat orang Asli merupakan salah satu tuntutan dalam Islam walaupun mereka adalah terdiri daripada golongan minoriti rakyat di negara ini. Usaha dakwah perlu dilakukan kepada mereka agar mesej Islam dapat disampaikan kepada mereka. Ia juga perlu dilaksanakan bagi menyahut seruan Allah SWT yang menjadikan Islam sebagai agama rahmat bagi seluruh alam. Justeru, para pendakwah yang berdakwah kepada mereka perlu menggunakan pendekatan yang tertentu bagi menerangkan ajaran Islam. Bagi menerangkan ajaran Islam, pendakwah perlu berkomunikasi dengan masyarakat orang Asli dengan menggunakan pelbagai medium dan strategi. Ini menuntut kepada penguasaan kemahiran

berkomunikasi yang berkesan supaya mesej yang hendak disampaikan dapat difahami dengan jelas. Kegagalan menggunakan kemahiran berkomunikasi yang berkesan menyebabkan mesej ajaran Islam tidak dapat disampaikan dengan baik. Interaksi yang bermakna antara pendakwah dengan masyarakat orang Asli dapat dijalankan melalui proses berkomunikasi walaupun dalam keadaan yang tidak formal dan bersahaja. Dengan menggabungkan prinsip-prinsip dakwah dan elemen-elemen komunikasi, kerancakan berinteraksi antara kedua-dua pihak dapat direalisasikan dengan baik. Ini kerana kemahiran berkomunikasi merupakan asas kepada kelangsungan kemahiran-kemahiran yang lain. Ini membuktikan bahawa tiada individu yang tidak boleh berkomunikasi walaupun dalam bentuk bukan lisan. Kemahiran berkomunikasi merupakan fitrah seseorang yang tidak mahu hidup menyendirinya. Walau bagaimanapun aspek komunikasi boleh diperkasakan melalui latihan tertentu bagi memastikan proses komunikasi berlangsung dengan teratur dan diharapkan mendapat kesan yang baik. Justeru, pendakwah perlu memperkasakan diri dengan kemahiran berkomunikasi yang berkesan bagi memastikan objektif dakwah dapat dicapai, terutama ketika berkomunikasi dengan masyarakat orang Asli.

Rujukan

- Abdullah Hassan. 2007. *Berdakwah Dengan Efektif*. Batu Caves: PTS Islamika.
- Abdul Ghafar Don. 2009a. Dakwah kepada Non-Muslim: Konsep dan Tuntutan, dalam Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani, *Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode & Pengalaman*. Halaman 1-11. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Ghafar Hj. Don. 2009b. Metodologi Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pengalaman Pengislaman di Paya Sendayan, Temerloh, Pahang Darul Makmur, dalam Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani, *Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode & Pengalaman*. Halaman 107-116. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Ghafar Don, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Salasiah Hanin Hamjah, Fariza Md. Shah, Badlihisham Mohd. Nasir, Muhammad Faisal Asha'ari, Siti Rugayah Tibek, Zainab Ismail, Idris Endot, Anuar Puteh, A'dawiyah Ismail & Mohd Zulkifli Abd Ghani. 2012. Da'wah Through Social Services Method: The Experience of the Department of Da'wah and Leadership Studies, National University of Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences*. 6(4): 545-548.
- Abdul Ghafar Don, Badlihisham Mohd Nasir, Ahmad Faqih Ibrahim & Khairul Azhar Meerangani. 2019. Peranan Akademia Dalam Pembangunan Komuniti Asli. *Jurnal Ilmi*. 9 (1): 73-80.
- Abdurahman Abdullah & Abdul Ghafar Don. (2018). Konsep Komitmen Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) JAKIM. *Jurnal At-Tahkim*. 8(4): 1-7.
- Achmad Mubarok. 2002. *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.
- Ahmad Redzuan Mohd Yunus. 2010. Pendekatan Dakwah Melalui Pendidikan Kepada Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(1), 2010: 57-64.

- Aini, Z., & Sabri, N. S. 2019. Bentuk-Bentuk Gerakan Kristianisasi dalam Masyarakat Orang Asli di Perak. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 4(2), 125-141. Diakses daripada <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/61> pada 13 November 2020.
- Aisyah Jami'an. 2013. Program Dakwah dan Peningkatan Kualiti Hidup Saudara Baru Orang Asli di Gombak Selangor. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-'Amusy, Bassam. 2005. *Fiqh al-Da'wah*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Alias Abd. Ghani & Salasiah Che Lah. 2015. The Semang Kensiu Orang asli of Lubuk Legong, Baling: The Language And Cultural Endangerment. *Procedia- Social and Behavioral Sciences* 208: 21-30.
- Anon. t.th. *Kehidupan, Budaya & Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- Asep Syamsul M. Romli. 2012. Komunikasi Dakwah Pendekatan Praktis. Diakses melalui <http://www.docstoc.com/> pada 27 Oktober 2020.
- Asmawati Mohamad Ali, Norizal Abdul Karim@SAB, Anita Mohamed & Noraihan Ismail. 2018. Aplikasi Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Aktif dalam Subjek Kemahiran Dinamika bagi Merealisasikan Pendidikan Abad ke 21. *Sains Humanika*. 10(2-3): 47-55.
- Al-Ba'lابaki, Ruhi. 2003. *Al-Mawrid Qamus 'Arabiyy-Inkliziy*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. 1995. *al-Madkhāl Ila 'Ilm Al-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Berhanundin Abdullah. 2009. Dakwah ke luar kepada Masyarakat Non-Muslim, dalam Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani, *Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode & Pengalaman*. Halaman 61-70. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Carey, Iskandar. 1976. *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Che Musa Che Hamat. 2011. Penghayatan Islam dan Efikasi Kendiri Berdakwah dalam Kalangan Penggerak Masyarakat Orang Asli di Negeri Sembilan Darul Khusus. Disertasi Ijazah Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Daniel Zainal Abidin. 2008. *Al-Quran for life excellence Tips-Tips Cemerlang dari al-Quran*. Jakarta: Penerbit Hikmah.
- Endicott, K. 2016. Introduction. Dalam Endicott, K. (ed), *Malaysia's Original People: Past, Present and Future of the Orang Asli*. halaman 1-38. Singapore: NUS Press.
- Faiz Abdul Rahim. 2018. Domain Pendakwah Masyarakat Orang Asli. Disertasi Sarjana Pengajian Islam UKM.
- Fariza Md Sham. 2015. Kemahiran psikologi dakwah kepada golongan remaja. *Jurnal Al-Hikmah*. 7(1): 91-101.
- Ghalwusy, Ahmad Ahmad. 1978. *Al-Da'wah al-Islamiyyah Usuluha wa wasa'iluhu*. Kaherah: Dar al-kitab al-Misri.
- Goldsmith, R. & Newton, S. 2011. What Do Communication Skills Mean in the Construction Discipline? *Journal of Academic Language & Learning*. 5(5): 158-168.

- Halim Mokhtar. 2002. Penerimaan Dakwah Islamiah di Kalangan Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes di Pulau Carey Banting Selangor. Tesis Sarjana Pengajian Islam UKM.
- Hashim Fauzy. 2001. *Komunikasi Antara Manusia*. Skudai: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ivan Iacey. 2013. Tropes of Fear: The Impact of Globalization on Batek Religious Landscape. *Religions*, 4: 240-266.
- Ivy Deirdre Mangkau, 2012. Penguasaan Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Kertas kerja Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV kali ke 2 pada 13 Jun 2012
- Jo Kamar & W.A Amir Zal. 2014. *Adat Orang Asli Suku Temuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Julie Edo. 2011. The Semai's Response to Missionary Work: From Resistance to Compliance. *Anthropological Notebooks*. 17 (3), 5-27.
- Khadijah Alavi & Maizatul Haizan Mahbob. 2017. Komunikasi Berkesan dengan Warga Emas Dari Perspektif Intervensi Kerja Sosial. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. 23(4): 21-37. Diakses melalui <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2017-33402-02> pada 29 Oktober 2020.
- Maisarah 2016. The importance of listening skills as the foundation to a good communication. *Diglossia_April* 2016. 7(2): 1-11.
- Mohd Baharudin & Mohd Khairie. 2007. *Pengantar Komunikasi*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Muhamad Busu. 2016. Kursus Bahasa Temuan: Pengenalan Orang Asli Temuan. Kertas kerja Wacana Bicara Peribumi anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi Universiti Kebangsaan Malaysia pada 17 Mei 2016.
- Mohd. Nizam Sahad & Che Zarrina Saari. 2005. Islamisasi dan Kristianisasi di Kalangan Orang Asli Temuan Broga. *Jurnal Afkar*. 6, 37-54.
- Mohd. Suhairil Nirza Mohamad Puad. 2016. Metode Dakwah Bi al-Hal Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Terhadap Masyarakat Orang Asli Taman desa Kemandol Daerah Kuala Langat. Latihan Ilmiah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Yusof Hussain. 1990. *Dua Puluh Lima Soal Jawab Mengenai Komunikasi Islam*. Serdang: Jabatan Komunikasi Pemabnguan, Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Zairul Ridzuan Abd Rahman & Abdul Ghafar Don. 2018. Pendekatan Dakwah bi al-Hal Terhadap Masyarakat Orang Asli di Malaysia. *Jurnal At-Tahkim*. 8(15):1-7.
- Muhamad Faisal Ashaari, Mohd Harfiz Hamzah, Abdul Ghafar Don, Razaleigh Kawangit@Muhammad & Anuar Puteh. 2014. Komunikasi Dakwah Orang Asli, dalam Siti Rugayah Hj. Tibek, Fariza Md Sham dan Muhammad Hilmi Jalil, *Pembangunan Dakwah Muallaf*. Halaman 60-75. Bangi: Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Niaz Muhammad. 2016. Communication Skills in Islamic Perspective. *Al-Idah*. 33 (June): 1-7. Diakses melalui <http://szic.pk/journal/dec2016/1.pdf> pada 13 Nove,ber 2020.
- Normaisarah Othman. 2019. Budaya Ilmu dalam Kalangan Pendakwah di Bandar Baru Bangi Selangor. Disertasi Sarjana Pengajian Islam UKM.

- Nur Damia Husna Nor Sad. 2016. Komunikasi Bahasa Pendakwah Masyarakat Orang Asli. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Us wah Ahmad Fauzi. 2018. Pemujukan dalam Komunikasi Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli di Selangor. Disertasi Sarjana Pengajian Islam UKM.
- Nurul Salmi Mohd Ghazali & Mohd Isha Awang. 2014. Tahap Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA Di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 4(2): 44-56.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2011. *Fi al-Da'wah Ila Allah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1996. *Thaqafah al-Da'iyyah*. Cetakan ke 10. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Ramlee Abdullah. 2015. *Cabaran Dakwah Dalam Masyarakat Orang Asli*. Persidangan Kebangsaan Pembangunan Insan Pimpinan Masyarakat Orang Asli. Di The Grand Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan Pada 7-9 November 2014
- Sa'id, Humam 'Abd al-Rahman. 1992. *Qawa'id al-Da'wah Ila Allah*. Cetakan ke-3. Al-Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Samsudin A. Rahim. 1993. *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Aminah Mohd Som. 2015. Kajian Amalan Budaya Orang Asli Suku Kaum Jakun di Kampung Peta. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Al-Shahrani, Muhammad bin Sa'ad Baqnah. 2012- 'Ilm al-Da'wah Ila Allah Ta'ala Haqiqatuh wa Ahammiyatuh: Dirasah Ta'siliyah. Tesis Sarjana Dakwah. Universiti Umm al-Qura.
- Susi Hardjati & Roziana Febrianita. 2019. The Power of Interpersonal Communication Skill in Enhancing Service Provision. *Journal of Social Science Research*. 4: 3192-3199. Diakses melalui <https://doi.org/10.24297/jssr.14i0.8150> pada 28 Oktober 2020.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. 2010. Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan. *Jurnal Usuluddin*. September: 155-179.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. 2003. Dakwah kepada Musyrikin Berdasarkan Surah al-An'am: Satu Kajian Penerapannya terhadap Orang Asli Negeri Selangor. Tesis ijazah Doktor Falsafah Universiti Sains Malaysia.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. 2013. Kemahiran Komunikasi Interpersonal Ekspresif: Mencipta Guru Bahasa Indonesia yang Penyayang. *GEMA ONLINE Journal of Language Studies*. 13(1): 139-154.
- Tang Keow Ngang & Thana lethumy Sulermutyrean. 2015. Kemahiran Insaniah Guru dan Penglibatan dalam Membuat Keputusan Pengurusan Sekolah. *Sains Humanika*. 4(1): 75-82.
- Toshihiro Nobuta. 2007. Islamization Policy Toward The Orang Asli in Malaysia. *Buletin of the National Museum of Ethnology*. 31(4): 479-495.
- Wambui, T.A., Kibui, A.W., & Gathuthi, E. 2012. *Communication Skills*. Vol.1. USA: LAP LAMBERT Academic Publishing GmbH & Co.KG.
- Yaacob, Yazilmiwati & Ahmad, Rozaini. 2019. Penerapan Kemahiran Insaniah melalui Interaksi dan Integriti (21CAMP) Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Sunway Malaysia. *Practitioner Research*. 1: 127-154. Diakses melalui <http://e-journal.uum.edu.my/index.php/pr/article/view/8195> pada 29 Oktober 2020.

- Zakuan Sawai.1997. Dakwah Islamiah kepada Orang Asli: Kajian Khusus Mengenai Transformasi Minda Masyarakat Semai Selepas Memeluk Islam. Tesis Sarjana Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Zaydan, 'Abd al-karim. 2002. *Usul al-Da'wah*. Cetakan ke-9. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Zulkefli Aini & Halim Mokhtar. 2016. Cabaran dan Isu Berdakwah Kepada Masyarakat Orang Asli Mah Meri Pulau Carey Banting Selangor, dalam Zulkefli Aini, Anuar Puteh dan Abdul Hakim Mohad@Ramli, *Dakwah & Etnik di Malaysia*. Bangi: Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkefli Aini & S.Salahudin Suyurno. 2016. *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkefli Aini, Faiz Abdul Rahim & Nur Damia Husna Nor Sad. 2018a. Aplikasi Kemahiran Komunikasi Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli. dalam Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini, *Pemerkasaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli Di Malaysia*. Halaman 75-83. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar & Nur Uswah Ahmad Fauzi. 2018b. Topik-Topik Komunikasi Dakwah Dalam Mesej Akidah Kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Jurnal Sains Insani*. 3(2): 15-21.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha' Mokhtar & Nur Uswah Ahmad Fauzi. 2018c. Pengamalan Bentuk Komunikasi Pemujukan dalam Kalangan Pendakwah Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*. 11(2): 63-79.
- Zulkefli Aini & Nur Uswah Ahmad Fauzi. 2020. Mesej Akidah dan Syariah dalam Komunikasi Dakwah Orang Asli Muslim di Selangor. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 3(2): 73-85.